



MAKLUMAT PROGRAM

PROGRAM DIPLOMA

1) DIPLOMA PEMBANGUNAN MANUSIA

DIPLOMA PEMBANGUNAN MANUSIA

Matlamat program :

Matlamat program ini adalah untuk melahirkan graduan yang:

- Berkemahiran untuk mengenalpasti potensi individu, keluarga, masyarakat dan organisasi.
- Dapat merancang strategi untuk meningkatkan potensi individu, keluarga, masyarakat dan organisasi dalam semua peringkat.
- Berkelayakan sebagai pekerja separa profesional dalam bidang perkhidmatan pembangunan manusia dan keusahawanan.

Jangka masa pengajian dan kaedah penyampaian :

- Program DPM adalah program sepenuh masa yang dapat disiapkan dalam tempoh 3 1/2 tahun atau 7 semester.
- Kaedah pengajian merangkumi kuliah, tutorial, tugas, amali, pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL), pembelajaran bantuan komputer, latihan industri, pembentangan kes dan projek ilmiah tahun akhir.

Tempoh pengajian:

Perkara	Separuh masa (Pendidikan Jarak Jauh)	
	Semester Panjang	Semester Pendek
Bil. Minggu	98	-
Bil. Semester	7	-
Bil. Tahun	3 ½ tahun	-



Keperluan kemasukan:

Calon perlu memenuhi Syarat Am Universiti dan keperluan Syarat Khas Program yang ditetapkan iaitu:

Syarat Am Universiti

Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya lima (5) kepujian (Gred C) termasuk Bahasa Melayu.

Syarat Khas Program

Mendapat sekurang-kurangnya kepujian (Gred C) dalam mata pelajaran Matematik, *Biologi atau Sains dan kepujian (Gred C) dalam 2 daripada mata pelajaran berikut:

- Kimia
- Fizik
- Sains Pertanian
- Matematik Tambahan
- Sains Tambahan
- Mata pelajaran lain yang sesuai**

** Diploma Pembangunan Manusia memberikan keutamaan kepada calon yang mendapat kepujian dalam mata pelajaran Biologi.*

*** Geografi/Pengajian Agroteknologi/Pengajian Keusahawanan/Prinsip Perakaunan/Ekonomi Rumah Tangga/Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/Landskap dan Nurseri/Tanaman Makanan/Teknologi Bengkel Mesin/Kerja Menggagas dan Melarik/Lukisan Geometri dan Mesin/Penyediaan dan Perkhidmatan Makanan/Pengeluaran Tanaman/Pengeluaran Ternakan/Hortikultur Hiasan dan Landskap/Kejenteraan Ladang/Pengurusan Ladang/Asas Pemprosesan Maklumat/Teknologi Katering/Teknologi Maklumat/Perdagangan Ekonomi Asas)*

dan

Mendapat sekurang-kurangnya lulus (Gred E) dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Objektif Program

Matlamat program ini adalah untuk menghasilkan graduan yang:

- i. Berkemahiran untuk mengenalpasti potensi individu, keluarga, masyarakat dan organisasi.
- ii. Dapat merancang strategi untuk meningkatkan potensi individu, keluarga, masyarakat dan organisasi dalam semua peringkat.
- iii. Berkelayakan sebagai pekerja separa profesional dalam bidang perkhidmatan pembangunan manusia dan keusahawanan.



Hasil Pembelajaran

Di akhir program ini, pelajar dapat:

- i. Menguasai ilmu pengetahuan secara berterusan dalam bidang pembangunan manusia.
- ii. Kemahiran menilai tahap kefungsiian individu, keluarga dan komuniti dari perspektif ekologi manusia.
- iii. Menguasai kemahiran mengurus dalam pelbagai jurusan pembangunan manusia.
- iv. Menggunakan kemahiran, teknik dan pendekatan terkini yang relevan
- v. Membina sikap proaktif, bertanggung jawab dan beretika.
- vi. Mencapai tahap profesionalisme, berketrampilan dan berupaya mendepani isu terkini.
- vii. Mengenalpasti masalah dan menyediakan penyelesaian yang kreatif, inovatif dan efektif.
- viii. Mengamalkan ciri-ciri kepimpinan dalam pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan bidang pembangunan manusia.
- ix. Mempunyai asas kemahiran dalam aspek keusahawanan.

Hebahan tujuan, objektif dan hasil pembelajaran program kepada pihak berkepentingan fakulti adalah melalui mesyuarat, perbincangan dan bengkel sama ada di peringkat jawatankuasa kurikulum, jabatan, fakulti dan pengurusan tertinggi fakulti. Manakala bagi hebahan di peringkat luar yang berkepentingan adalah melalui pameran tetap akademik dan penyelidikan, promosi dan program lanjutan.